

Bil. S 13

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggai 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2023

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pengisytiharan tempat-tempat terkawal
 3. Pihak Berkuasa
-

AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggal 147)

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2023

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2023 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengisytiharan tempat-tempat terkawal

2. Tempat-tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual, yang diperihalkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat-tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta itu.

Pihak Berkuasa

3. Pihak-pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah Pihak Berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

JADUAL
(perenggan-perenggan 2 dan 3)

<i>Tempat</i>	<i>Nombor Pelan</i>	<i>Pihak Berkuasa</i>
Bangunan dan kawasan Print Plus Sendirian Berhad Mukim Berakas A Daerah Brunei dan Muara	GT150002BM	Pengurus Am Print Plus Sendirian Berhad
Bangunan dan kawasan Penjara Maraburong Fasa III Simpang 1111 Jalan Tutong Kampung Maraburong Mukim Keriam Daerah Tutong	GT210001TU	Pengarah Penjara.

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1444 bersamaan dengan 9 haribulan Mei, 2023.

DATO SERI SETIA AWANG HAJI AHMADDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.